

Kuasa Nasional: Tinjauan Konsep, Permasalahan dan Peranan dalam Pembangunan Negara

National Power: A Review of Concept, Problems and Role in Nation Building

Adilah Zafirah Mohd Suberi, Mohd Zul Fahmi Md Bahrudin^①, Mohd Asyraf Mohd Farique, Syed Ahmad Israa' Syed Ibrahim

IRIS Institute

(^①Corresponding author: fahmi@iris.institute)

ABSTRAK

Dalam kekacauan geopolitik dunia kini, terlalu banyak isu nasional yang dilangkaui, tertinggal atau ditinggalkan. Malaysia terjebak dalam pergelutan blok kuasa dunia dan dilema hala tuju pembangunan negara mengikut acuan asing. Pada masa yang sama, kepentingan politik kepartian dan politik populisme mendahului kepentingan nasional dalam agenda pembangunan negara. Hasilnya terpampang di depan mata; kecelaruan identiti nasional, dualisme sistem, ketempangan ekonomi dan kepincangan sosial. Akhirnya Malaysia hanya menjadi *vassa/ state* kepada kuasa asing manakala rakyat sekadar mendapat tempas pulangan 'kemajuan' yang dicapai. Dalam kemelut beginilah soal kuasa nasional amat penting dan perlu diberikan perhatian. Konsep kuasa nasional perlu dinilai semula makna, peranan dan keupayaannya kerana wawasan dan kerangka pembangunan nasional sedia ada tidak lagi mampu memandu Malaysia menuju masa depan yang diinginkan. Kuasa nasional bukan sekadar kuasa politik, ketenteraan, ekonomi mahupun penguasaan pengaruh Malaysia di pentas antarabangsa. Kuasa nasional terkait dengan ilmu pengetahuan dan kehendak nasional yang membawa kepada pengupayaan seluruh sumber nasional secara strategik serta kemampuan mengatasi cabaran dan ancaman untuk mencapai wewenang menentukan pembangunan negara yang kuat, maju dan berdaulat dalam acuan sendiri.

KATA KUNCI

Kuasa Nasional,
Pembangunan,
Kemajuan,
Kedaulatan,
Malaysia

ABSTRACT

Amidst the turbulent global geopolitical landscape, numerous national issues have been overlooked, sidelined, or entirely neglected. Malaysia finds itself caught between competing global power blocs while grappling with the dilemma of aligning its national development with foreign ideals. At the same time, populist politics and partisan interests take precedence over national priorities in shaping the country's development agenda. The consequences are evident: national identity crisis, systemic dualism, economic disparities, and social instability. As a result, Malaysia risks becoming a vassal state to foreign powers, while its people merely reap the residual benefits of so-called "progress". Amid this complex struggle, the question of national power becomes critical. It is imperative to reassess the meaning, role, and capacity of national power as existing national development frameworks and visions are no longer sufficient to steer Malaysia toward its desired future. National power extends beyond politics, military strength, economic power, or Malaysia's standing on the global stage. Rather, it is intrinsically tied to knowledge and national will, enabling the strategic mobilization of all national resources, overcoming challenges and threats, to gain the power to determine the development of a strong, progressive, and sovereign nation on its own terms.

KEYWORDS

National Power, Development, Progress, Sovereignty & Malaysia

1.0 Pendahuluan

Negara adalah tapak bagi sebuah bangsa merealisasikan impian kehidupan bernegara daripada kehendak yang sedar, melalui kuasa. Impian ini berasal dari pelbagai idea yang bersaing dalam memberikan gambaran sebuah bangsa dan negara yang diinginkan. Idea yang dominan diangkat sebagai impian nasional dan direalisasikan dengan kuasa manakala idea-idea lain ditolak atau dipinggirkan juga dengan kuasa (Embong, 2015). Negara yang dibangunkan mengikut acuan sendiri akan menyempurnakan impian bangsa, kerana berfungsi untuk melindungi dan memudahkan warga negaranya untuk mencapai tujuan dan impian bersama. Kehendak dan tujuan bersama tersebut dirumuskan dalam suatu bentuk perlembagaan iaitu sebuah dokumen hukum tertinggi pada suatu negara yang terkandung maksud didirikannya negara, nilai-nilai dan cita-cita bersama yang dijunjung tinggi oleh rakyat sebagai warganegara. Tambahan lagi, sesebuah negara akan dapat memaksakan kekuasaannya secara sah terhadap semua bentuk kekuasaan lain serta dapat menentukan tujuan-tujuan dari kehidupan bersama dalam suatu wilayah tertentu (Armawi, 2019).

Bangsa-bangsa di dunia mempunyai impian negara idaman mereka berdasarkan agama, keilmuan dan pandangan alam (*worldview*) masing-masing. Mereka berusaha membangunkan kuasa nasional untuk merealisasikan impian negara idaman mereka. Contohnya kuasa dunia Amerika Syarikat terkenal dengan *American Dream* yang berdasarkan ideologi humanisme dan demokrasi liberal serta didokong oleh kekuatan ketenteraan, ekonomi dan media Amerika Syarikat (Choi & James, 2016). Begitu juga dengan kuasa besar China yang berpegang kepada konsep *Middle Kingdom* atau *Tian Xia* yang berdasarkan Konfusianisme iaitu kepatuhan kepada *Li* untuk mengekalkan sebuah orde China yang bersifat sejagat (Zhang, 1991).

Theodor Herzl pula membawa idea penubuhan negara Israel yang berasal-usul dari ajaran Talmud bagi merealisasikan sebuah pembentukan negara bangsa yang memiliki wilayah dan kuasa politik tersendiri bagi bangsa Yahudi (Avineri, 2014). Turki juga mempunyai gagasan pembangunan kuasa nasional untuk meningkatkan pengaruhnya dan membentuk lingkungan pengaruh antarabangsa yang sesuai dengan kepentingan nasionalnya (Davutoğlu, 2010). Indonesia pula mempunyai 'Wawasan Nasional' untuk membangunkan kemampuan mengembangkan kekuatan nasional bagi menghadapi sebarang ancaman dan cabaran luaran mahupun dalaman, yang mampu menjamin pengekalan kepada identiti, kelangsungan dan integriti bangsa dan negara Indonesia (Budisantoso-Suryosumarto, 2001).

Bagaimana dengan Malaysia? Apakah impian negara idaman Malaysia? Adakah gagasan pembangunan negara membawa kepada kuasa nasional untuk mencapai negara idaman tersebut? Penulisan ini membincangkan makna dan konsep kuasa nasional serta kepentingannya dalam memandu Malaysia menuju masa depan yang diinginkan.

2.0 Cita-Cita dan Realiti Malaysia

Setelah 68 tahun mengecapi kemerdekaan, Malaysia masih menghadapi pelbagai cabaran membangunkan negara berikutan kesan-kesan penjajahan struktural dan sistematik yang masih kekal. Pelbagai usaha dilakukan dari Rancangan Malaya Pertama hingga Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan, membangunkan perindustrian, meningkatkan tahap pendidikan dan kesihatan rakyat serta mengatasi masalah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dan wilayah. Seterusnya, Wawasan 2020 yang dibentangkan pada tahun 1991 telah menzahirkan impian Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dengan acuan sendiri menjelang tahun 2020. Kemajuan yang dimaksudkan tidak terhad kepada pencapaian ekonomi atau material sahaja. Ia merangkumi segala aspek kehidupan termasuk politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kemajuan yang sempurna ini dicapai dengan berpegang kepada falsafah moral dan etika yang tinggi berasaskan kepercayaan agama tempatan (Jabatan Perdana Menteri, t. th.).

Perubahan kepimpinan menyaksikan pelbagai gagasan pembangunan nasional bersilih ganti. Islam Hadhari, 1Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama dan Malaysia Madani semuanya bertujuan menjadikan Malaysia

lebih maju, makmur dan harmoni walaupun memberi penekanan kepada nilai yang berbeza. Misalnya, Islam Hadhari menekankan nilai Islam, 1 Malaysia fokus kepada perpaduan, Wawasan Kemakmuran Bersama menumpukan kepada keadilan ekonomi manakala Malaysia Madani meletakkan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan sebagai tonggak dasar negara. Bagaimanapun, Malaysia masih gagal mencapai impiannya untuk menjadi sebuah negara yang maju, makmur dan harmoni. Malaysia masih kekal dalam perangkap negara berpendapatan sederhana kerana pergantungan yang tinggi kepada pelaburan dan buruh asing, keupayaan teknologi dan industri yang rendah serta kelemahan dalam pembangunan modal insan (Lim & Wong, 2024).

Selain itu, Malaysia masih dibelenggu masalah identiti nasional dan perpaduan. Ketiadaan identiti sepunya memperlihatkan setiap etnik bersaing untuk mengangkat kebudayaan dan identiti etnik masing-masing sehingga menimbulkan pertembungan antara etnik dalam hal-hal seperti bahasa, pendidikan dan pembinaan negara (Awang Pawi et al., 2024). Unsur-unsur polarisasi tinggalan penjajah dalam masyarakat majmuk Malaysia masih wujud dalam pelbagai bentuk dan tahap seperti pendidikan, perniagaan, perumahan, politik dan pelaksanaan undang-undang yang tidak adil (Anuar, 2024).

Dalam masa yang sama, pentas dunia menyaksikan persaingan kuasa antara Amerika Syarikat dan China yang semakin sengit dan konflik di Timur Tengah yang meruncing. Sementara itu, Perang Rusia-Ukraine, konflik bersenjata terbesar Eropah selepas Perang Dunia Kedua belum menemui jalan penyelesaian. Pergolakan geopolitik dunia ini meningkatkan ketidaktentuan ekonomi global kerana menjejaskan perdagangan antarabangsa dan rantai bekalan antarabangsa. Perkara ini memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia (Singh, 2024). Di samping itu, Malaysia juga berhadapan dengan ancaman keselamatan dan kedaulatan berikutan insiden-insiden pencerobohan sempadan negara dan tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan Malaysia, China, Taiwan, Vietnam, Indonesia, Brunei dan Filipina (Jalil, 2024).

Dalam landskap geopolitik yang mencabar ini, perjalanan pembangunan negara bertambah sukar dengan agenda pembangunan negara yang diterajui oleh kepentingan politik kepartian dan politik populisme yang mendahului kepentingan nasional. Masalah budaya politik kepartian telah melemahkan kesatuan nasional kerana melemahkan hubungan antara kerajaan pusat dan negeri, menyumbang kepada pembangunan wilayah yang tidak seimbang, melebarkan jurang etnik dan meningkatkan ketegangan kaum (Ahmad Tajudin & Mohamed Noor, 2021). Sementara itu, walaupun dasar pembangunan populis boleh menjaga kepentingan umum untuk masyarakat tetapi terdapat golongan elit yang mengeksploitasi hubungan baik dengan mereka yang berkuasa demi keuntungan peribadi (Abadi, 2024). Pada masa yang sama, terdapat polisi yang kurang populis namun perlu dilaksanakan demi kestabilan ekonomi negara (Shuib, 2023).

Hakikatnya, semua permasalahan negara ini berkaitan dengan masalah terbesar yang dihadapi Malaysia iaitu masalah ilmu dan pemikiran. Penjajahan Barat selama lebih 400 tahun tidak hanya membawa kemusnahan fizikal, pembunuhan bangsa tempatan (*genocide*) dan kemunduran ekonomi tetapi turut melibatkan pembunuhan identiti dan kebudayaan tempatan (*ethnocide*) serta penghapusan keilmuan tempatan (*epistemicide*). Penjajahan Barat telah menghapuskan kefahaman prakolonial tempatan tentang identiti dan kekitaan (*belongings*) dan melakar semula peta dunia yang dibahagikan mengikut garisan politik dan etno-budaya. Ikatan persaudaraan (*kinship*), kebudayaan dan bahasa yang erat dalam masyarakat globalisasi prakolonial telah dipecah-belahkan dengan sengaja dan sistematik untuk memperlagakan satu komuniti dengan yang lain dan menyemai benih pertelingkahan yang berlangsung sehingga ke hari ini supaya memberi legitimasi kepada campur tangan asing (Noor, 2023; Chaudhuri, 1990).

Natijahnya, negara-negara bangsa pasca penjajahan termasuk Malaysia tetap mengikut format pembangunan negara yang eurosentrik, sehingga tunduk, bergantung dan memenuhi kepentingan kuasa Barat. Walaupun negara-negara ini kelihatan bebas daripada penjajah secara luaran, hakikatnya kehidupan bernegara dibentuk dan diatur oleh epistemologi dan kosa kota yang diwarisi dari Perjanjian Westphalia 1648, Eropah moden dan penjajahan Barat (Osieander, 2001; Teschke 2003; Philpott, 1999). Buktinya, mereka

sendiri menulis sejarah moden mereka bermula dari titik permulaan negara bangsa moden dengan batas sempadan kolonial dan budaya kebangsaan yang diperoleh daripada karya-karya kolonial (Noor, 2017). Sistem politik, perundangan, ekonomi, pertahanan, hubungan luar, pendidikan dan sosial tetap meneruskan legasi kolonial dalam orde dunia yang dibina di atas asas imperialisme dan kolonialisme (Said, 1978; Noor, 2023).

Dalam era global kini, kuasa Barat menggunakan institusi-institusi antarabangsa sebagai instrumen untuk mengancam dan menggugat kedaulatan sesebuah negara (Shuib, 2010). Akhirnya, negara-negara bangsa moden pasca penjajahan ini menjadi negara khadam, *vassal state*, *client state*, *satellite state* atau *protectorate* yang tunduk dan bergantung kepada kuasa Barat (Ferguson, 2008). Negara-negara ini mempunyai kedudukan yang kecil, rendah dan tidak sepadan dengan potensi sebenarnya kerana krisis identiti, dualisme sistem dan 'kerajaan' dalam kerajaan yang telah menghapuskan kehendak dan hala tujunya untuk membangunkan kuasa nasional. Pembangunan negara mengenyampingkan kepentingan nasional dan menguntungkan kelompok elit dan proksi manakala rakyat hanya menerima tempias pembangunan (Abd Rahman, 2024).

Tuntasnya, Malaysia kehilangan hala tuju dan tidak menguasai kerangka ilmu kenegaraan dan pembangunan nasional yang bebas dari pengaruh kuasa asing. Gagasan pembangunan negara tidak membawa kepada kuasa nasional yang mengangkat kehendak dan kepentingan nasional untuk membangunkan negara yang kuat, maju dan berdaulat dalam acuan sendiri. Ketika inilah soal kuasa nasional amat penting dan perlu diberikan perhatian. Konsep kuasa nasional perlu dinilai semula makna, peranan dan keupayaannya kerana wawasan dan kerangka pembangunan nasional sedia ada tidak lagi mampu memandu Malaysia menuju masa depan yang diinginkan.

3.0 Konsep Kuasa Nasional

Kajian kuasa nasional mempunyai sejarah yang panjang dan berakar umbi dalam bidang sains politik, hubungan antarabangsa dan kajian strategik. Ia bermula dengan tokoh-tokoh pemikir dan ahli-ahli falsafah seperti Socrates, Plato, Al-Farabi, Ibn Khaldun, Karl Marx dan Hegel yang telah lama membincangkan mengenai konsep negara idaman mengikut acuan bangsa masing-masing yang tersendiri (Embong, 2003). Kajian kuasa nasional merupakan kesinambungan kepada idea membangunkan negara idaman ini dengan memahami bagaimana bangsa atau negara mengumpul, mengunjur dan mengekalkan kuasa dalam sistem antarabangsa untuk menjaga kedaulatan serta mencapai visi dan matlamat nasional. Secara tidak langsung, para sarjana terdahulu seperti Thucydides (*The Peloponnesian War*), Sun Tzu (*The Art of War*) dan Machiavelli (*The Prince*) telah membincangkan mengenai kuasa ketenteraan dan politik sebagai elemen atau aspek penting dalam kuasa nasional.

3.1 Definisi dan elemen kuasa nasional

Dalam abad ke-20, Hans Morgenthau, pengasas teori realisme klasik dalam hubungan antarabangsa telah meletakkan asas kepada konsep kuasa nasional moden. Dalam bukunya *Politics Among Nations* (1948), beliau menekankan tentang kuasa nasional sebagai keupayaan sesebuah bangsa atau negara untuk memaksakan kehendaknya kepada bangsa atau negara lain. Morgenthau mengambil teori '*state of nature*' Hobbes yang melihat manusia sebagai makhluk anarkis dan sentiasa dalam keadaan bersaing, bertelingkah dan berkelahi antara satu sama lain. Konsep kuasa menurut Hobbes adalah kemampuan seseorang untuk memperoleh apa yang dimahukan dengan memaksakan kehendaknya secara paksa atau sukarela (Hobbes, 2000).

Teori realis Hobbes banyak digunakan oleh para sarjana dalam perbincangan tentang makna dan konsep kuasa nasional. Pandangan ini lahir dari pengalaman bangsa Eropah yang melalui peperangan yang panjang sesama mereka sejak kejatuhan Empayar Rom termasuk Perang Tiga Puluh Tahun, Perang Napoleon sehingga Perang Dunia. Pengalaman ini membentuk pandangan alam Barat dan falsafah realisme yang

pesimis dan skeptikal terhadap sifat manusia yang akhirnya membawa kepada persaingan dan perebutan kuasa antara negara di peringkat global (Donelly, 2000). Natijahnya, wacana kuasa nasional dalam kerangka realisme kebanyakannya tertumpu pada soal sifat anarki sistem antarabangsa, perebutan kuasa yang berterusan serta kepentingan kuasa ketenteraan dan pakatan strategik.


Menurut Morgenthau (1948), sesebuah bangsa yang ingin memiliki hak untuk bersaing di peringkat antarabangsa dalam penentuan ideologi, sistem, institusi dan struktur pemerintahan dunia, perlu memiliki kuasa nasional. Kuasa yang beliau maksudkan adalah kemampuan menguasai minda dan perbuatan pihak lain (Morgenthau, 1948). Selari dengan idea Morgenthau ini, Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (DOD) memberikan definisi kuasa nasional sebagai seni dan sains dalam membangunkan dan menggunakan kuasa politik, ekonomi dan psikologi sesebuah negara-bangsa, bersama dengan angkatan tenteranya, dalam keadaan aman dan peperangan untuk mencapai objektif nasional (Jablonsky, 1997).

Konsep kuasa ini menyerupai konsep yang digunakan oleh Dahl (1957) di mana sesuatu individu atau pihak itu dikira mempunyai kuasa, sebagai contoh A dikira mempunyai kuasa ke atas B apabila A boleh menyuruh B melakukan sesuatu di luar kemahuan B. Berdasarkan tafsiran ini, terdapat dua konsep utama yang boleh dilihat apabila membahaskan tentang konsep kuasa iaitu “kuasa untuk sesuatu” (*power to*) dan “kuasa ke atas sesuatu” (*power over*). Contohnya, A memiliki kekuasaan atas B untuk B melakukan sesuatu perkara yang dikehendaki oleh A. Hartmann (1957) menyimpulkan bahawa kuasa nasional adalah kekuatan atau kapasiti yang dapat digunakan oleh sesebuah negara-bangsa yang berdaulat bagi mencapai kepentingan nasionalnya. Boudon et al. (1989) pula mengutarakan konsep kuasa sebagai ‘*tripartite of power*’ di mana kuasa merupakan sumber, strategi dan hasil.

Tellis et al. (2000) dalam buku *Measuring National Power in the Postindustrial Age* terbitan RAND Corporation memberikan takrif kuasa nasional sebagai kemampuan sesebuah negara untuk mencapai objektif dalam sistem antarabangsa melalui pengupayaan yang efektif terhadap sumber dan keupayaannya (Tellis et al., 2000). Terdapat tiga faktor atau pemacu kuasa iaitu: (1) sumber atau keupayaan, (2) bagaimana sumber atau keupayaan ditukar kepada kuasa melalui proses-proses nasional, dan (3) hasil atau output kuasa seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah (Treverton & Jones, 2005; Tellis et al., 2000). Sumber-sumber nasional seperti sumber fizikal dan kewangan, teknologi dan populasi perlu diupayakan melalui pengupayaan nasional untuk menukar potensi sumber menjadi kuasa nasional yang berkesan di peringkat antarabangsa. Pengupayaan nasional melibatkan institusi dan infrastruktur fizikal serta sumber daya bukan material seperti kekuatan kepimpinan dan etos nasional, pendidikan dan inovasi, kebudayaan, keupayaan diplomasi dan pengaruh antarabangsa. Akhirnya, pelbagai cabaran diatasi dan potensi sumber direalisasikan sebagai kuasa nasional yang berkesan dalam bentuk kekuatan ketenteraan bagi Amerika Syarikat.

Para sarjana lain juga memahami bahawa sumber-sumber nasional tidak menjadi kuasa dengan sendirinya tetapi memerlukan usaha manusia dan proses untuk mengupayakan sumber-sumber ini menjadi kuasa nasional. Oleh itu, para sarjana telah menggariskan elemen-elemen kuasa nasional yang merangkumi faktor fizikal dan bukan fizikal walaupun menggunakan pelbagai terma mereka sendiri dan tidak menghuraikan tentang proses pengupayaan sumber-sumber nasional ini secara khusus.

Morgenthau (1948) telah mengutarakan beberapa elemen kuasa nasional yang stabil dan yang sentiasa berubah mengikut konteks iaitu geografi, sumber semulajadi, perindustrian, ketenteraan, populasi, karakter nasional, semangat kebangsaan, kualiti diplomasi dan kerajaan. Beliau menyatakan bahawa karakter dan semangat nasional merupakan faktor manusia yang bersifat kualitatif yang menonjol kerana mempunyai pengaruh yang kekal dan menentukan posisi sesebuah negara dalam politik antarabangsa. Kemampuan sesebuah negara untuk mengubah potensi kekuatan (*potential power*) menjadi kuasa operasi (*operational power*) adalah berdasarkan pelbagai pertimbangan seperti keberkesanan pemerintahan (*government effectiveness*) dan perpaduan nasional (Morgenthau, 1948).



Rajah 1: Tiga pemacu kuasa nasional menurut Tellis et al (2000)

Hartmann (1957) mengutarakan elemen-elemen kuasa nasional yang terdiri daripada elemen demografi, geografi, ekonomi, teknologi, sejarah-psikologi-sosiologi, pentadbiran organisasi dan ketenteraan. Secara keseluruhan, elemen-elemen ini bukan sahaja menunjukkan keupayaan sesebuah negara untuk mengejar matlamatnya tetapi turut mencerminkan kuantiti dan kualiti matlamatnya. Pengalaman sejarah dan cara fikir warga negara tersebut terutamanya kesatuan pemikiran dalam mendepani permasalahan di arena antarabangsa menunjukkan apa yang penting dan bernilai bagi negara tersebut serta bagaimana dasar negara menyelesaikan permasalahan tersebut. Hartmann (1957) menegaskan bahawa elemen sejarah-psikologi-sosiologi merupakan elemen utama dalam kuasa nasional kerana menunjukkan bagaimana sesebuah negara memilih peperangan untuk bertempur dan juga bagaimana pendekatan negara tersebut dalam situasi yang akhirnya membawa kepada keperluan untuk berperang. Selain itu, analisis elemen sejarah-psikologi-sosiologi memberikan pencerahan tentang bagaimana sebuah negara menetapkan matlamat yang munasabah serta menggembelng tenaga dan sumber sepenuhnya untuk mencapai matlamat tersebut pada masa yang sama mempunyai kekuatan kemahuan nasional untuk bertahan dalam menghadapi rintangan dan halangan asing (Hartmann, 1957).

Jablonsky (1997) dan Jablonsky & Bartholomees (2014) pula mengemukakan elemen-elemen kuasa nasional yang terdiri daripada penentu semula jadi dan penentu sosial. Ekonomi, politik, tentera, psikologi dan maklumat merupakan penentu sosial yang menunjukkan cara sesebuah bangsa mengatur diri mereka dan bagaimana mereka mengubah persekitaran mereka yang menentukan tahap penggunaan penentu semulajadi yang terdiri daripada geografi, sumber dan populasi. Elemen psikologi dalam kuasa nasional merujuk kepada kehendak dan semangat kebangsaan, karakter nasional dan tahap integrasi nasional. Elemen maklumat dalam kuasa nasional pula merujuk kepada peningkatan komunikasi dan penyebaran maklumat yang boleh meningkatkan pengaruh sesebuah negara sebagai sumber idea dan pembentuk budaya (Jablonsky & Bartholomees, 2014).

Cline (1977) merumuskan bahawa kuasa nasional dibangunkan daripada sumber, keupayaan dan komitmen nasional dalam persamaan berikut:

$$\text{Kuasa Nasional} = (\text{Jisim Kritikal} + \text{Keupayaan Ekonomi} + \text{Keupayaan Ketenteraan}) \times (\text{Strategi Nasional} + \text{Kehendak Nasional})$$

Jisim kritikal meliputi populasi dan wilayah yang menggambarkan saiz sesebuah negara manakala keupayaan ekonomi merangkumi pendapatan, tenaga, galian bukan bahan api, pembuatan, makanan dan perdagangan.

Keupayaan ketenteraan pula meliputi keseimbangan strategik dan keupayaan bertempur. Kehendak nasional merujuk kepada tahap integrasi nasional, kekuatan kepimpinan dan relevansi strategi nasional kepada kepentingan nasional (Cline, 1977).

Dalam persamaan kuasa Cline, sumber jisim kritikal, keupayaan ekonomi dan ketenteraan bersifat tambahan (*additive*) kepada kuasa nasional tetapi strategi dan kehendak nasional bersifat pengganda (*multiplier*) kepada kuasa nasional. Strategi dan kehendak nasional merupakan pemboleh ubah yang paling penting dalam persamaan ini kerana sebarang angka yang didarab dengan sifar adalah sama dengan sifar. Dalam kata lain, strategi dan kehendak nasional boleh mengubah hasil akhir atau kesudahan kuasa nasional. Misalnya, unsur-unsur penting kuasa nasional seperti sumber nasional yang kaya dan keupayaan nasional yang utuh sekalipun boleh dikurangkan kepada hampir tiada jika kekurangan strategi nasional yang bersepadu atau kemahuan nasional yang lemah dan tidak teratur.

Cline menjelaskan bahawa kehendak nasional (*national will*) merupakan luahan emosi dan keinginan agregat sesebuah bangsa yang menunjukkan respon atau tindak balas terhadap kepentingan dan strategi nasional. Setiap komuniti dalam bangsa menuju ke arah yang sama kerana mempunyai tujuan yang sama iaitu matlamat kebangsaan berkaitan isu-isu domestik seperti pengagihan kekayaan, autoriti dan ketenteraman awam serta isu-isu antarabangsa seperti dasar luar dan posisi diplomatik. Rakyat akan memberikan respon positif dan menyokong dengan penuh semangat terhadap strategi nasional yang menepati kepentingan nasional yang utama seperti kelangsungan hidup (*survival*), perlindungan dari musuh atau mencapai kedudukan yang lebih tinggi (*superior*) berbanding pihak musuh. Cline (1977) menyimpulkan tiga faktor penting yang menyumbang kepada pembentukan kehendak nasional iaitu: (1) tahap integrasi nasional dari segi integrasi budaya dan wilayah; (2) tahap kekuatan kepimpinan nasional yang merangkumi keupayaan dasar dan polisi kerajaan serta tahap disiplin sosial; (3) tahap perkaitan (*relevance*) strategi nasional dengan kepentingan nasional.

Secara sejarahnya, status pencapaian kuasa nasional dinilai melalui kekuatan ketenteraan kerana kemenangan di medan perang adalah manifestasi kuasa yang jelas dan muktamad (Jablonsky, 1997). Di samping kuasa ketenteraan, kuasa ekonomi juga sering dijadikan ukuran kuasa nasional kerana kuasa ekonomi merupakan asas kepada kuasa ketenteraan dan boleh menjadi instrumen kuasa nasional. Hirschman (1945) berhujah bahawa pertumbuhan ekonomi daripada perdagangan dan pelaburan antarabangsa memberikan kekayaan untuk pembangunan negara dan meningkatkan kekuatan ketenteraan. Penyertaan dalam perdagangan antarabangsa juga boleh meningkatkan kuasa tawar-menawar sesebuah negara dalam hal-ehwal antarabangsa kerana negara tersebut boleh memanfaatkan pengaruh ekonominya untuk mencapai objektif politiknya (Hirschman, 1945). Selain kuasa ketenteraan dan ekonomi, para sarjana juga cuba menilai kuasa nasional berdasarkan penggunaan kuasa secara fizikal atau langsung (*hard power*) seperti kuasa politik dan penguasaan teknologi (Nester, 2010).

Perbincangan kuasa nasional oleh beberapa sarjana Barat yang terkemudian, telah berubah dengan meluaskan konsep kuasa nasional lebih dari sekadar kuasa fizikal (*hard power*) semata-mata. Ini kerana penggunaan *hard power* sahaja tidak relevan atau berkesan dalam menangani ancaman-ancaman kontemporari. Antara bentuk ancaman kontemporari terhadap kuasa nasional adalah perubahan ekonomi seperti operasi luar negara (*offshoring*) dan penyumberan luar (*outsourcing*), pencemaran global, ancaman pengganas (*terrorism*), jenayah terancang merentas sempadan, peningkatan penggunaan senjata pemusnah besar-besaran, ancaman kesihatan seperti jangkitan virus serta cabaran dalam teknologi dan pendidikan. Perubahan demografi seperti bandar mega, imigrasi dan penuaan penduduk serta perubahan ideologi turut mengancam kedudukan kuasa nasional. Selain itu, ancaman kontemporari juga merangkumi kemunculan aktor-aktor baharu seperti diaspora dan kumpulan-kumpulan pengadu yang celik teknologi (*technologically savvy grievance groups*) (Treverton & Jones, 2005). Maka, penilaian kuasa nasional berdasarkan *hard power* sahaja hanya memberikan gambaran kasar (*rough picture*) tentang kuasa nasional kasar (*gross national power*) dan masih gagal menunjukkan butiran kritikal tentang kuasa nasional secara menyeluruh (Tellis et al. 2000).

Oleh itu, terdapat pandangan bahawa kuasa lunak (*soft power*) adalah instrumen dan manifestasi kuasa yang lebih utama berbanding *hard power* dalam dunia masa kini yang lebih terhubung secara fizikal dan maya. Gabungan *hard power* dan *soft power* ini dikenali sebagai kuasa pintar (*smart power*). Nye (2021) dan Wilson (2008) berpandangan bahawa elemen-elemen kuasa lunak (*soft power*) seperti kepimpinan, kesepaduan sosial, tarikan budaya, maklumat kritikal dan kemahuan politik merupakan instrumen dan manifestasi kuasa yang lebih utama berbanding elemen-elemen *hard power*, bagi mendepani pelbagai ancaman kontemporari.

Nester (2010) berpandangan bahawa *soft power* sesebuah bangsa memainkan peranan penting dalam menyerlahkan potensi kekuatan penuh sesebuah negara. *Soft power* seperti kesepaduan sosial, tarikan budaya, kekuatan institusi, penguasaan maklumat, prestij, pandangan alam (*world view*) dan paling penting keazaman sesebuah bangsa boleh mengatasi angka-angka ekonomi atau ketenteraan dalam mencapai matlamatnya. Walaupun sumber alam, populasi dan geografi merupakan sumber kuasa mentah, kepimpinan dan organisasi nasional merupakan faktor penting yang memberikan bentuk dan tujuan pengupayaan sumber-sumber ini. Di samping itu, strategi dan kemahuan nasional berperanan untuk menggunakan dan menyerlahkan potensi sumber-sumber kuasa mentah ini.

Kesimpulannya, konsep kuasa nasional menekankan kekuatan dan keupayaan sesebuah negara untuk menundukkan pihak lain secara paksa atau sukarela demi mencapai kehendaknya. Konsep kuasa nasional ini lahir dari *worldview* pemikir realisme yang melihat manusia sebagai makhluk anarkis yang saling bertelagah dan bersaing. Entiti negara bangsa yang mewakili pelbagai kelompok manusia ini dilihat sebagai pemain utama dalam pentas dunia ini. Kuasa nasional terdiri daripada pelbagai faktor atau elemen fizikal dan bukan fizikal yang melibatkan pembangunan dan pemanfaatan sumber-sumber nasional untuk merealisasikan matlamat nasional. Konsep kuasa nasional telah berkembang daripada fokus kepada *hard power* semata-mata kepada pendekatan *smart power* yang lebih holistik dengan menggabungkan *soft power* dalam mengatasi pelbagai cabaran dan ancaman kontemporari yang menggugat kedaulatan negara.

Bagaimanapun, konsep kuasa nasional yang dominan pada masa kini lahir dari sumber ilmu yang terhad kepada keilmuan dan pengalaman Barat yang menekankan rasionalisme dan empirisme. Kerangka keilmuan Barat (eurosentrik) ini menafikan sumber-sumber ilmu lain seperti wahyu dan pengalaman bangsa-bangsa lain yang telah membentuk sebuah masyarakat global yang harmoni sebelum era penjajahan Barat. Selain itu, perbincangan sarjana Barat mengenai konsep sumber kuasa terikat dengan konsep negara bangsa moden di mana 'apa yang dimiliki' merujuk kepada 'pemilikan' selepas kemerdekaan yang diberikan oleh kuasa penjajah kepada sesebuah negara. Dalam hal ini, penentuan pemilikan sumber-sumber nasional seperti wilayah geografi dan demografi populasi dilakukan dengan merujuk kepada perjanjian-perjanjian penjajahan dan kemerdekaan yang termeterai, bukannya merujuk kepada asas ketamadunan sesuatu bangsa dengan keilmuan dan sejarahnya sendiri. Persoalannya, adakah bangsa-bangsa lain khususnya umat Islam dan bangsa Melayu tidak pernah berfikir dan membangunkan sendiri ilmu kenegaraan, pemerintahan dan pembangunan negaranya sendiri?

3.2 Konsep kuasa nasional dalam Islam

Wacana kenegaraan dan kuasa nasional tidak asing dalam Dunia Islam. Para pemikir dan sarjana Islam telah membangunkan ilmu kenegaraan, pemerintahan dan pembangunan negara mengikut kerangka ilmu Islam berdasarkan sumber-sumber ilmu wahyu dan akal yang bersepadu. Bagaimanapun, mereka tidak menggunakan istilah kuasa nasional secara khusus seperti sarjana Barat sebaliknya menggunakan istilah-istilah yang berkaitan dalam bahasa Arab dan bahasa-bahasa tempatan.

Petunjuk dalam al-Quran sendiri telah mengungkapkan gambaran negara berpandukan kebenaran yang baik dan bahagia untuk manusia sejagat. Contohnya, para ilmuwan Islam seperti al-Farabi, Ibn Khaldun dan al-Maududi telah mengkaji mengenai istilah-istilah dalam al-Quran seperti *baladun tayyibah* dan *dar as-salam*. Mereka merumuskan bahawa al-Quran memberikan visi sebuah negara dan bangsa yang hidup aman, maju dan makmur apabila pemerintahan negara berlandaskan kebenaran dan keadilan yang ditetapkan oleh Allah.

Al-Mawardi, al-Ghazali, Nasr al-Din al-Farabi, Fakhr al-Din al-Razi, Nizam al-Mulk dan Husayn Waiz Kashfi pula menyimpulkan bahawa sebuah negara yang ideal merupakan sebuah negara yang menyediakan peluang kepada semua warganya untuk menikmati kehidupan yang baik. Kehidupan ini bukan sekadar memenuhi keperluan duniawi tetapi juga mempersiapkan mereka untuk kehidupan akhirat melalui pelaksanaan tanggungjawab agama dan etika, kerjasama dalam peranan masing-masing mengikut ketetapan syariah, serta pembentukan keperibadian moral berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Allah (Moten, 1993).

Petunjuk sirah Nabi Muhammad SAW juga telah memperlihatkan bagaimana baginda mengasaskan kerajaan Islam Madinah dan membangunkan kuasa nasional walaupun berdepan kuasa dunia Rom dan Parsi. Baginda telah menanam asas-asas pembangunan kuasa nasional yang utuh bermula dengan kerangka aqidah dan keilmuan seterusnya membangunkan kemandirian bangsa serta kekuatan dalam semua aspek kehidupan seperti politik, ekonomi dan sosial yang berlandaskan Islam. Usaha baginda telah diteruskan oleh para sahabat dan generasi seterusnya sehingga umat Islam yang terdiri dari pelbagai bangsa mencapai ketamadunan yang unggul di pelbagai pelusuk dunia (Arif, 2020).

Al-Arabi telah membawa konsep kuasa nasional *al-quwwah al-qaumiyyah* yang bermaksud pencapaian bangsa dalam bentuk kekuatan yang sempurna bagi menolak segala jenis ancaman ke atas mereka, serta keupayaan menjamin keselamatan dalaman dan luaran selain mampu menghalang tindakan yang merobek kedaulatan sesebuah bangsa itu (Muhammad Abdullah al-Arabi, 1954). Konsep ini selari dengan pandangan ulama silam tentang kuasa atau *shaukah* umat Islam yang merujuk kepada tahap kekuatan yang membolehkan umat Islam untuk menundukkan pesaing bukan Islam demi menjamin kedaulatan watan Islam. Imam al-Juwayni telah menekankan kepentingan kuasa pemerintah yang berupaya mengatasi ancaman aliran kefahaman dan pergolakan politik yang menggugat keselamatan dan kedaulatan negara. (Ab Rahman, Wan Hassan & Yahya, 2025).

Perbincangan para ulama silam mengenai *shaukah* juga telah menyentuh mengenai unsur atau elemen penting yang menjadi asas *shaukah*. Unsur pertama adalah kekuatan manusia yang merangkumi aspek kuantiti dan kualiti masyarakat. Unsur kedua pula bersifat material seperti kekuatan ekonomi dan ketenteraan. Para ulama silam juga berpandangan bahawa *shaukah* bukan bermaksud kekuatan yang sempurna atau mutlak. Kayu ukur *shaukah* adalah keupayaan menundukkan musuh dan bukan penghapusan secara total (Ab Rahman, Wan Hassan & Yahya, 2025).

Al-Arabi berpandangan bahawa sesebuah bangsa yang ingin membangunkan kuasa nasional perlu mengupayakan dua bentuk elemen iaitu elemen material dan juga elemen bukan material (maknawi). Elemen material merangkumi geografi, sumber alam, kompetensi industri, kesiapsiagaan peperangan dan saiz populasi. Elemen bukan material merangkumi identiti nasional, semangat kebangsaan dan kemampuan pengurusan kerajaan yang merangkumi dasar luar serta sistem dan struktur pemerintahan dalaman yang melibatkan tadbir urus serta pengurusan ekonomi dan kewangan negara (Muhammad Abdullah al-Arabi, 1954).

Ibn Khaldun melihat kekuatan sesuatu kerajaan atau negara itu bergantung kepada semangat *asabiyah* dalam kalangan warganya. *Asabiyah* atau *national cohesion* atau kesepaduan nasional berkaitan dengan sifat semulajadi manusia sebagai makhluk bermasyarakat. Tahap *asabiyah* serta faktor-faktor yang mengukuhkan dan memaknakan *asabiyah* seperti agama akan menentukan kejayaan dan kesinambungan sesuatu kerajaan dan masyarakat (Wan Daud, 2006). Ibn Khaldun juga berpandangan bahawa hak untuk menjadi kuat dan berkuasa adalah hak yang universal dan asasi bagi mana-mana bangsa yang dicapai melalui negaranya yang berdaulat. Ibn Khaldun tidak menolak masyarakat majmuk tetapi menegaskan bahawa sebuah negara yang kuat dan berdaulat dibangunkan oleh sebuah bangsa tonggak yang diupayakan dalam negara tersebut. Sekiranya bangsa tonggak tersebut tidak diupayakan, negara akan menjadi lemah dan mundur kerana masyarakat berpecah-belah dan tidak dapat diurus secara sistematik dan holistik. Tuntasnya, Ibn Khaldun berpandangan bahawa bangsa tonggak dan *asabiyah* memainkan peranan penting

dalam pembangunan sebuah negara yang berdaulat (Onder & Ulasan, 2018).

Tokoh pemikir nasional Melayu awal seperti Dr Burhanuddin al-Helmy menyatakan bahawa kuasa nasional berakar pada prinsip kedaulatan, perpaduan, keadilan sosial dan identiti kebangsaan. Kemerdekaan bangsa Melayu dari penjajahan merupakan prasyarat utama kepada pembentukan kuasa nasional (Burhanuddin al-Helmy, 1954). Istilah nasional atau kebangsaan yang dibawa oleh Dr Burhanuddin juga lebih luas daripada takrifan keturunan semata-mata, sebaliknya turut merangkumi kesatuan budaya, perkongsian sempadan geografi dan kesatuan dalam cara fikir.

“Kebangsaan Melayu bukan dibina semata-mata kerana seseorang itu bangsa Melayu atau bapanya Melayu, datuknya Melayu, tetapi kebangsaan Melayu itu adalah diasaskan dan dibina di atas kebangsaan Melayu iaitu kebangsaan mengikut tabiat semula jadi kedudukan bumi, keturunan pusaka, kebudayaan baka dan penduduk hak mutlak bumi pertiwi ini. Yang bersatu hasrat pada azamnya, bersatu padu dalam ideologi kebangsaannya”. (Burhanuddin al-Helmy, 1954, pp. 111)

Tokoh Indonesia, Budisantoso-Suryosumarto telah mengemukakan terma ‘Wawasan Nasional’ yang bermaksud kemampuan mengembangkan kekuatan nasional bagi menghadapi sebarang ancaman dan cabaran luaran mahupun dalaman, yang mampu menjamin pengekalan kepada identiti, kelangsungan dan integriti bangsa dan negara bagi mencapai ‘Wawasan Nasional’ (Budisantoso-Suryosumarto, 2001). Kekuatan nasional ini lahir dari falsafah bangsa, suasana wilayah, sosial rakyat, sejarah bangsa dan sumber strategik. ‘Wawasan Nasional’ ini hanya mampu dicapai apabila sesebuah bangsa itu bersama-sama menggerakkan pemikiran, sikap dan tindakan yang didokong oleh kekuatan, semangat dan tekad, serta sanggup mengorbankan kepentingan diri, kelompok dan kedaerahan masing-masing. Beliau menggariskan beberapa faktor untuk mencapai wawasan nasional ini yang terdiri dari aspek alamiah atau trigatra iaitu geografi, sumber alam dan populasi; serta aspek sosial atau pancagatra iaitu ideologi, politik, ekonomi, sosial-budaya dan pertahanan-keamanan (Budisantoso-Suryosumarto, 2001).

Pemikir Turki, Prof. Dr Ahmet Davutoğlu (2010) menafsirkan kuasa nasional sebagai kemampuan sesebuah negara untuk mempengaruhi dan membentuk lingkungan pengaruh antarabangsa yang sesuai dengan kepentingan nasionalnya. Davutoğlu berpandangan bahawa kuasa nasional terdiri daripada elemen-elemen yang tetap seperti geografi, sejarah, demografi dan budaya serta elemen-elemen yang berbentuk potensi seperti keupayaan ekonomi, teknologi dan ketenteraan. Seterusnya, elemen-elemen ini ditukar kepada kuasa nasional melalui minda strategik, perancangan strategik dan kehendak politik seperti yang ditunjukkan dalam persamaan kuasa berikut:

$$\text{Kuasa nasional} = [(\text{sejarah} + \text{geografi} + \text{demografi} + \text{budaya}) + (\text{keupayaan ekonomi, teknologi dan ketenteraan})] \times (\text{minda strategik} \times \text{perancangan strategik} \times \text{kehendak politik})$$

Dalam persamaan kuasa Davutoğlu ini, minda strategik, perancangan strategik dan kehendak politik merupakan faktor pengganda atau penentu kuasa nasional. Negara yang tidak mempunyai minda strategik, perancangan strategik dan kehendak politik yang kuat, konsisten dan bersepadu tidak akan mencapai kuasa nasional walaupun telah mencapai tahap yang unggul dalam sejarah, geografi, demografi, budaya serta keupayaan ekonomi, teknologi dan ketenteraan. Selain itu, keadaan yang dibentuk oleh mentaliti dan perancangan strategik yang negatif juga memberi kesan negatif terhadap faktor-faktor tetap dan potensi dalam pembangunan kuasa nasional. Akhirnya, negara yang tidak memiliki minda strategik, perancangan strategik dan kehendak politik yang kuat, konsisten dan bersepadu hanya menjadi bidak catur di bawah bayang-bayang kuasa lain yang lebih kuat (Davutoğlu, 2010).

Davutoğlu menerangkan bahawa minda strategik merujuk kepada elemen manusia yang berpandangan

terbuka dan mampu menganalisa dinamik yang membentuk kuasa strategik dengan betul kemudian mengubahnya kepada kedudukan yang sesuai dengan perubahan situasi dunia seterusnya mencapai kesepaduan antara pelbagai elemen kuasa dan membangunkan strategi untuk mencapai kuasa. Minda strategik sesebuah masyarakat adalah hasil dari kesedaran bersama tentang pengumpulan pengalaman atau sejarah yang terkandung di dalamnya nilai budaya, psikologi, agama dan sosial yang dicerminkan dalam ruang geografi tertentu. Minda strategik juga merupakan hasil dari corak pencerapan melihat dunia secara keseluruhan yang menghubungkan mentaliti dan strategi di wilayah tersebut di mana kesan spatial berdasarkan pengetahuan geografi bersilang dengan kesan temporal berdasarkan kesedaran sejarah. Perbezaan pandangan strategik sesebuah masyarakat berbanding masyarakat lain merupakan hasil dari perbezaan dunia persepsi yang berasaskan dimensi spatial dan temporal.

Persepsi spatial sesebuah masyarakat yang berpaksikan geografi mereka serta kesan temporal yang berpusatkan pengalaman sejarah mereka membentuk infrastruktur mentaliti nasional yang mengesani orientasi dan pembentukan dasar luar negara tersebut. Bangsa yang mempunyai mentaliti strategik yang kekal dan mampu menghasilkan konsep, instrumen dan bidang baharu dalam mendepani perubahan keadaan boleh memberi kesan pada piawai kuasa antarabangsa. Negara yang mempunyai minda strategik berani untuk mengutarakan penyelesaian sebaliknya negara yang tidak mempunyai minda strategik lebih cenderung untuk menjadi defensif dan hanya mengikut agenda yang telah ditetapkan oleh pihak lain serta berbangga apabila berjaya menjauhkan diri dari krisis antarabangsa.

Kesan minda strategik yang lahir dari geografi, sejarah, demografi dan budaya dapat dilihat dalam perancangan strategik untuk membangunkan keupayaan ekonomi, teknologi dan ketenteraan. Kehendak politik memainkan peranan penting dalam menentukan dan mengawal matlamat besar strategi keseluruhan pembangunan kuasa nasional dalam jangka masa panjang. Pelaksanaan strategi besar dalam jangka masa panjang melalui pelbagai operasi dan tindakan taktikal untuk mencapai sasaran taktikal dalam jangka masa pendek dan sederhana. Negara yang menjadikan struktur keseimbangan kuasanya serasi dengan perubahan dunia yang dinamik serta mahir dalam mengubah matlamat strategik kepada taktik-taktik interim dan pendek akan mara lebih pantas ke arah matlamat akhirnya. Ini memerlukan keupayaan membuat keputusan yang anjal tanpa menggadaikan matlamat strategik yang akhir.

Kuasa nasional bukan sekadar kuasa politik, ketenteraan, ekonomi mahupun penguasaan pengaruh di pentas antarabangsa. Kuasa nasional terkait dengan ilmu pengetahuan dan kehendak nasional yang membawa kepada pengupayaan seluruh sumber nasional secara strategik serta kemampuan mengatasi cabaran dan ancaman untuk mencapai wewenang menentukan pembangunan negara yang kuat, maju dan berdaulat dalam acuan sendiri.

4.0 Permasalahan dalam Kajian Kuasa Nasional

4.1 Permasalahan epistemologi

Permasalahan epistemologi dalam kajian kuasa nasional merujuk kepada masalah sumber ilmu yang tidak lengkap dan bersepadu di mana sesetengah sumber ilmu diabaikan manakala sesetengah sumber ilmu lain diberikan penekanan yang berlebihan. Konsep kuasa nasional yang dominan hari ini diperoleh dari epistemologi ilmu Barat yang menolak wahyu sebagai sumber ilmu dan bergantung kepada sumber empirik dan rasional sahaja. Namun, pelbagai bangsa telah menyedari suatu kelompongian dalam mencapai negara idaman mereka dan mula merujuk kembali khazanah ajaran agama untuk mengisi kekosongan ini (Al-Junid, 1993). Selain itu, konsep kuasa nasional yang dominan pada masa kini diperoleh dari sumber ilmu yang terhad kepada pengalaman Barat sahaja dan menafikan pengalaman bangsa-bangsa lain yang pernah membangunkan negara dan tamadun yang hebat. Ramai sarjana telah mengkritik pandangan alam realisme, liberalisme dan konstruktivisme yang mendasari perbahasan konsep kuasa nasional kerana bersifat eurosentrik (Said, 1978; Acharya, 2014; Tickner & Smith 2020). Pada masa yang sama, sumber-sumber ilmu Islam seperti wahyu dan pengalaman tamadun Islam yang berkaitan dengan kuasa nasional tidak dikumpul,

disusun dan dikaji secara sistematik. Petunjuk dan gambaran mengenai kuasa nasional dalam wahyu dan pengalaman tamadun Islam tidak menjadi ilmu yang praktikal untuk membangunkan sebuah kuasa nasional dalam realiti negara-negara Islam pada hari ini.

4.2 *Permasalahan ontologi*

Pergantungan kepada kerangka keilmuan eurosentrisme dan empirisme Barat serta kelemahan dalam kerangka keilmuan Islam menyebabkan perbahasan konsep kuasa nasional gagal menggarap makna, hakikat dan gambaran kuasa nasional secara jelas dan menyeluruh. Sebaliknya, perbahasan konsep kuasa nasional hanya tertumpu kepada juzuk-juzuk atau elemen-elemen tertentu dalam kuasa nasional. Terdapat banyak kajian yang memberi tumpuan kepada elemen atau sumber kuasa nasional, proses membangunkan kuasa nasional dan ukuran pencapaian kuasa nasional tetapi masih tiada satu kesimpulan jelas tentang makna kuasa nasional. Ada pandangan yang menyatakan kuasa nasional adalah kuasa ketenteraan dan kedaulatan wilayah. Ada pandangan lain pula yang mengungkapkan kuasa nasional sebagai pengaruh antarabangsa. Tuntasnya, tiada sebuah definisi dan konsep kuasa nasional yang jelas dan mampu menerangkan perincian-perincian mengenai kuasa nasional secara tersusun dan menterjemahkan impian kehidupan bernegara yang bahagia.

4.3 *Permasalahan aksiologi*

Aksiologi atau nilai-nilai kuasa nasional tidak selari dengan epistemologi dan ontologi kuasa nasional. Sumber ilmu yang tidak lengkap dan bersepadu serta ontologi kuasa nasional yang tidak jelas dan menyeluruh membawa kepada nilai-nilai kuasa nasional yang bersifat pragmatik bahkan boleh bercanggah dengan nilai-nilai kemanusiaan. Misalnya, idealisme *American Dream* yang mengangkat nilai-nilai demokrasi, hak manusia, kebebasan dan kesetaraan buat semua warga negaranya tanpa mengira perbezaan warna kulit dan kelas sosial hanya menjadi alat propaganda politik (Samuel, 2012). Realitinya, Amerika Syarikat masih mengamalkan kepercayaan budaya dan dasar-dasar yang menyebabkan masalah perkauman struktural dan sistemik sehingga menafikan hak-hak asasi manusia bagi sesetengah golongan masyarakat dan meningkatkan jurang sosioekonomi (Samuel, 2012; Solomon et al. 2019; Belongie, 2021). Di pentas antarabangsa, hipokrisi dasar luar Amerika Syarikat juga dikritik kerana menggunakan retorik hak asasi manusia sebagai alat penguasaan yang didorong oleh neoimperialisme (Hallman, 2019; Regilme, 2023). Ringkasnya, nilai-nilai kuasa nasional boleh berubah atau diabaikan mengikut kepentingan kelompok tertentu bukannya mencerminkan nilai-nilai negara idaman menurut kehendak sesebuah bangsa.

Pada masa yang sama, nilai-nilai kuasa nasional dari sumber ilmu Islam tidak dilihat dalam ontologi atau gambaran besar kuasa nasional. Ini dapat dilihat dalam masalah pembangunan negara-negara Islam hari ini yang hanya menempelkan nilai-nilai islamik dan mengeneppikan prinsip-prinsip Islam. Contohnya, “demokrasi Islam” masih dipengaruhi oleh falsafah politik Barat yang berasaskan atheisme, sekularisme dan liberalisme. Penggabungan artifisial nilai-nilai islamik ke dalam sistem demokrasi Barat tetap tidak mengubah struktur asas sistem dan tidak mencerminkan kedaulatan dan prinsip-prinsip syariah (Davutoğlu, 1994; Badarussyamsi, 2015). Dalam dasar hubungan luar negara-negara Islam, prinsip al-wala’ dan al-bara’ tidak diamalkan sebaliknya kepentingan politik dan ekonomi yang menentukan dasar hubungan luar seperti yang dapat dilihat pada pendirian dan tindakan negara-negara Islam dalam isu Palestin hari ini. Dalam pembangunan ekonomi pula, konsep di sebalik kewangan Islam telah dikurangkan kepada sekadar penghapusan riba dan pelaksanaan aktiviti kewangan mengikut norma kontrak yang berasaskan syariah. Institusi dan instrumen kewangan Islam mematuhi syariah secara literal tetapi tidak rohnya iaitu maqasid. Pragmatisme yang simplistik telah menyebabkan globalisasi dan pertumbuhan pesat kewangan Islam gagal membela ramai rakyat negara-negara Islam yang masih miskin dan terpinggir dalam sistem ekonomi konvensional semasa (Khan, 2010; Janah & Ghofur, 2018; Asnawi, 2021). Ringkasnya, penerapan nilai-nilai Islam dalam pembangunan negara-negara Islam hari ini hanya kosmetik tanpa sebuah kefahaman yang mendalam dan kerangka yang kukuh.

4.4 *Permasalahan teleologi*

Permasalahan teleologi dalam perbahasan konsep kuasa nasional berkait dengan penekanan terhadap tujuan-tujuan manusia yang terhad sebagai matlamat mencapai kuasa nasional. Konsep kuasa nasional yang dominan hari ini hanya memberi penumpuan kepada kuasa pemerintah (*state power*) dan penguasaan regim berbanding kehendak bangsa itu sendiri. Sebaliknya, al-Quran telah menyatakan tujuan tertinggi (maqasid) kuasa nasional iaitu untuk pengabdian kepada Allah dengan melindungi dan memajukan kepentingan manusia serta menjaga kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat (Moten, 1993). Adakah kehendak manusia dan Tuhan bercanggah atau kedua-duanya boleh disusun untuk mencapai hakikat kuasa nasional yang sebenar?

5.0 Kesimpulan

Realiti Malaysia hari ini menuntut hala tuju dan strategi pembangunan negara dalam kerangka kuasa nasional untuk mencapai wewenang menentukan pembangunan negara yang kuat, maju dan berdaulat dalam acuan sendiri. Kuasa nasional bukan sekadar kuasa politik, ketenteraan, ekonomi mahupun penguasaan pengaruh Malaysia di pentas antarabangsa. Kuasa nasional terkait dengan ilmu pengetahuan dan kehendak nasional yang membawa kepada pengupayaan seluruh sumber nasional secara strategik serta kemampuan mengatasi cabaran dan ancaman nasional.

Bagaimanapun, kefahaman mengenai konsep dan kerangka kuasa nasional sedia ada masih terbatas kerana pelbagai permasalahan epistemologi, ontologi, aksiologi dan teleologi dalam kajian kuasa nasional. Kajian mendalam diperlukan untuk membangunkan kaedah dan pendekatan ilmu pengetahuan baharu yang tidak bergantung kepada kerangka pemikiran, keilmuan dan nilai Barat semata-mata. Hal ini menuntut kesepaduan sumber-sumber ilmu dan kaedah ilmu termasuk ilmu wahyu dan kearifan tempatan yang ditolak oleh Barat. Kajian lanjut juga diperlukan untuk menghasilkan sebuah *blueprint* pembangunan negara berdasarkan konsep dan kerangka kuasa nasional ini yang sesuai dan praktikal dengan realiti dan cabaran semasa.

Penghargaan

Kajian ini tidak menerima sebarang geran atau dana daripada mana-mana pihak. Para penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IRIS Institute dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penghasilan artikel kajian ini.

Rujukan

- Ab Rahman, M. H., Wan Hassan, W. Z., & Yahya, S. A. (2025). The concept of Shaukah according to the early scholars and its application in the context of political power sharing in Malaysia. *Al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies*, 33(7), 33–54.
- Abd Rahman, A. Z. (2024). *Negara unggul dalam konteks Malaysia, negara maju acuan sendiri*. IRIS Institute.
- Abadi, A. M. (2024). Ulasan buku: Dasar populisme dan pembangunan di Malaysia. *SINERGI: Journal of Strategic Studies & International Affairs*, 4(2), 135–138. <https://doi.org/10.17576/sinergi.0402.2024.11>
- Acharya, A. (2014). *Rethinking power, institutions and ideas in world politics*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315885346>
- Ahmad Tajudin, A. A., & Mohamed Noor, M. N. (2021). Budaya politik federal: Memikirkan federalisme Malaysia dari perspektif normatif. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 48(2), 138–163.
- Al Junid, S. H. (1993). Nilai dalam pembangunan. In K. Jaffar & H. Habib (Eds.), *Wawasan 2020*. Institut Kajian Dasar.
- Aljunied, S. M. A. (2010). Colonial powers, nation-states and kerajaan in maritime Southeast Asia: Structures, legalities and perceptions. *New Zealand Journal of Asian Studies*, 12(2), 94–107.

- Anuar, M. K. (2024, August 31). Kemerdekaan yang kita harapkan. *The Malaysian Insight*.
<https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/487154>
- Arif, S. (2020). Islam dan kemandirian bangsa. *Kasyaf: Jurnal Populer Pemikiran Ekonomi Islam*, 3(2), 6–9.
- Armawi, A. (2019). *Nasionalisme dalam dinamika ketahanan nasional*. Gadjah Mada University Press.
- Avineri, S. (2014). *Herzl's vision: Theodor Herzl and the foundation of the Jewish state*. BlueBridge.
- Awang Pawi, A. A., Muhammad, A. M., & Yaakub, M. T. (2024). Keterancaman Melayu: Analisis konsep dan faktor pendorong. *Jurnal Melayu Sedunia*, 7(1), 182–198.
<https://doi.org/10.22452/melayusedunia.vol7no1.11>
- Boudon, R., François Bourricaud, & Hamilton, P. (1989). *A critical dictionary of sociology*. Routledge, Taylor & Francis Group.
- Budisantoso-Suryosumarto, H. (2001). *Ketahanan nasional Indonesia penangkal disintegrasi bangsa dan negara*. Pustaka Sinar Harapan.
- Burhanuddin al-Helmy. (1954), *Falsafah Kebangsaan Melayu*.
- Chaudhuri, N. (1990). *Asia before Europe: Economy and civilisation of the Indian Ocean from the rise of Islam to 1750*. [Publisher information needed].
- Choi, S.-W., & James, P. (2016). Why does the United States intervene abroad? Democracy, human rights violations, and terrorism. *Journal of Conflict Resolution*, 60(5), 899–926.
- Cline, R.S.(1977). *World Power Assessment 1977. A Calculus of Strategic Drift*, Westview Press, Boulder.
- Dahl, R. A. (1957). The concept of power. *Behavioral Science*, 2(3), 201–215.
- Davutoğlu, A. (2010). *Al-'amq Al-Istrātijy* (Strategic Depth). Arab Scientific Publishers.
- Donnelly, J. (2000). *Realism and international relations*. Cambridge University Press.
- Embong, A. R. (2003). *Pembangunan dan kesejahteraan: Agenda kemanusiaan abad ke-21*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Embong, A. R. (2015). Revisiting Malaya: Envisioning the nation, the history of ideas and the idea of history. *Inter-Asia Cultural Studies*, 16(1), 9–23. <https://doi.org/10.1080/14649373.2015.1003123>
- Ferguson, N. (2008). *Empire: How Britain made the modern world*. Penguin Books.
- Grovogui, S. N. (2006). *Beyond Eurocentrism and anarchy: Memories of international order and institutions*. Palgrave Macmillan.
- Hartmann, F. H. (1957). *The relations of nations*. Macmillan.
- Hirschman, A. O. (1945). *National Power and The Structure of Foreign Trade*. Berkeley.
- Hobbes, T. (2000). *Leviathan*. London: Oxford University Press. chap. 10.
- Jablonsky, D. (1997). National power. *Parameters*, 27(1), 34–53. <https://doi.org/10.55540/0031-1723.1815>
- Jablonsky, D., & Bartholomees, J. (2014). *U.S. Army War College guide to national security policy and strategy*. Strategic Studies Institute, U.S. Army War College.
- Jabatan Perdana Menteri. (n.d.). *Perspektif Wawasan 2020*.
https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/22PERSPEKTIF_WAWASAN_2020.pdf
- Jalil, S. S. (2024). Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN komited selesai isu Laut China Selatan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-sebagai-pengerusi-asean-komited-selesai-isu-laut-china-selatan-498158>
- Lim, G., & Wong, C.-Y. (2024). Malaysia meets (and remains in) the middle-income trap: Lost coalition amidst industrial value migration. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 61(1), 79–100.
<https://doi.org/10.22452/MJES.vol61no1.5>

- Morgenthau, H. J. (1948). *Politics Among Nations*. US: Alfred A. Knoff.
- Moten, A. R. (1993). Politics: An Islamic perspective. *Intellectual Discourse*, 1(1), 28–45.
- Muhammad Abdullah al-Arabi. (1954). *Anasir al-Quwwatul Qaumiyah Fil Ummah al-Arabiah*.
- Nester, W. R. (2010). *Globalization, war and peace in the twenty-first century*. Palgrave Macmillan.
- Noor, F. A. (2023). Before Westphalia: Imagining an alternative Asian globalization. *Muslim Politics Review*, 2(2), 140–162.
- Nye, J. S. (2021). Soft power: The evolution of a concept. *Journal of Political Power*, 14(1), 196–208.
- Önder, M. & Ulaşan, F. (2018). Ibn Khaldun's Cyclical Theory on The Rise And Fall of Sovereign Powers: The Case Of Ottoman Empire, *Adam Akademi*, 8(2), 231-266. Hlm.233
- Osiander, A. (2001). Sovereignty, international relations, and the Westphalian Myth. *International Organization*, 55(2), 251-287. <https://www.jstor.org/stable/3078632>
- Philpott, D. (1999). Westphalia, authority, and international Society. *Political Studies*, 47(3), 556-589. <https://doi.org/10.1111/1467-9248.00217>
- Shuib, M. S. (2023). Cabaran meneutralkan polisi tidak populis. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/videos/bisnes-x7sinh/cabaran-meneutralkan-polisi-tidak-populis-x8q0sjd>
- Singh, J. (2024). *Seizing the moment: Malaysia's role in a world of geopolitical flux*. Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia. <https://www.isis.org.my/2024/01/31/seizing-the-moment-malaysias-role-in-a-world-of-geopolitical-flux/>
- Tellis, A. J., Janice Bially Mattern, Layne, C., Mcpherson, M., Rand Corporation, Arroyo Center. Strategy, Doctrine, And Resources Program, & United States. Army. (2000). *Measuring national power in the post-industrial age*. Rand.
- Teschke, B. (2003). *The Myth of 1648: Class, Geopolitics, and the Making of Modern International Relations*.
- Tickner, A. B., & Smith, K. (Eds.). (2020). *International relations from the Global South: Worlds of difference*. Taylor & Francis.
- Treverton, G. F. & Jones, S. G. (2005). *Measuring national power*. RAND Corporation.
- Wan Daud, W. M. N. (2006). *Menyuburkan makna kemerdekaan menurut Islam di Malaysia*.
- Wilson, E. J. (2008). Hard power, soft power, smart power. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 616, 110–124.
- Zhang, Y. (1991). *China in the international system 1918–20*. Palgrave Macmillan.